

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN

: LISAN

DARIPADA

**: YB DATO' IR. AMIRUDDIN BIN HAMZAH
[KUBANG PASU]**

TARIKH

: 24 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

YB DATO' IR. AMIRUDDIN BIN HAMZAH minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada semua anggota kabinet telah mengisyiharkan harta mereka kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan adakah maklumat pengisyiharan harta ini boleh diakses oleh orang awam.

JAWAPAN : **[YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)]**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua Jemaah Menteri telah mengemukakan sesalinan perisyiharan harta kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Pada masa ini, paparan pengisyiharan harta melalui laman web SPRM hanya akan dibuat setelah Kerajaan memutuskan satu kaedah baru dalam pemaparan mengenai jumlah harta/pendapatan yang telah diisyiharkan.

Sekian, terima kasih.